

07 JUL 1999

DR MAHATHIR DIJADUAL LAWAT TERENGGANU AKHIR BULAN INI

KUALA TERENGGANU, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Terengganu pada 29 dan 30 Julai ini.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata dalam lawatan itu Perdana Menteri akan meletakkan batu asas kawasan perumahan kos rendah sebanyak 1,000 unit di Wakaf Mempelam di sini serta mengadakan perjumpaan dengan pegawai dan kakitangan kerajaan.

"Dr Mahathir juga dijadual mengadakan perjumpaan dengan badan perhubungan Umno negeri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Beliau berkata dalam lawatan itu, Dr Mahathir akan hadir pada perhimpunan pesilat dari seluruh negara pada 29 Julai di Padang Astaka, Dungun, dekat sini.

-- BERNAMA

SN RON